

UJIAN PERTENGAHAN PENGGAL SATU TAHUN TIGA 2017  
BAHASA MALAYSIA

Nama: \_\_\_\_\_

Tahun: 3 (A )

Tarikh: \_\_\_\_\_

**Bahagian A (20%)**

*Bulatkan* jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan Gambar 1



1. Seekor \_\_\_\_\_ sedang memanjat pokok durian.

- A. tupai
- B. kelawar
- C. monyet
- D. langsung

2. Kai Xin \_\_\_\_\_ sampan menggunakan pendayung.

- A. menunggang
- B. mengayuh
- C. menaiki
- D. mendayung

3. Harimau juga dikenali sebagai \_\_\_\_\_.

- A. Sang Belang
- B. Sang Kancil
- C. Si Comel
- D. Sang Kerbau

4. Kanak-kanak yang \_\_\_\_\_ dalam pertandingan itu terdiri daripada pelbagai kaum.

- A. meniup wisel
- B. menghidangkan makanan
- C. mengambil bahagian
- D. meminta pertolongan

5. Pilih perkataan berimbuhan awalan:

- A. undangan
- B. mengait
- C. memasukkan
- D. acara

6. Baju renang Clement \_\_\_\_\_ bintik-bintik.

- A. bercorak
- B. berwarna
- C. berbelang
- D. bergaris

7. Kamus yang dibeli oleh ayah itu sangat \_\_\_\_\_.

- A. bulat
- B. tinggi
- C. tebal
- D. teratur

8. \_\_\_\_\_, cantiknya tanduk rusa itu!

- A. Wah
- B. Cis
- C. Syabas
- D. Oh

9. Udara yang \_\_\_\_\_ akan  
menjejaskan kesihatan manusia.

- A. bersih
- B. segar
- C. kotor
- D. bebas

10. Adik Jared menjerit \_\_\_\_\_  
apabila belonnya meletup.

- A. ketakutan
- B. kegembiraan
- C. keriangian
- D. kesakitan

Bahagian B: Baca petikan di bawah, kemudian **bulatkan** jawapan yang betul. (10%)

Pada minggu lepas, penduduk taman perumahan Kim Man mengadakan gotong-royong. Pada pukul 8.00 pagi, para penduduk berkumpul di balai raya sebelum memulakan tugas. Mereka membawa peralatan seperti pongkes, cangkul, pencakar, sabit, dan plastik sampah. Pengerusi taman membahagikan tugas kepada para penduduk.

Pada pukul 9.00 pagi, penduduk memulakan tugas masing-masing. Mereka menyabit rumput, mencuci longkang, menyapu sampah sarap, dan mencantas dahan-dahan pokok. Semua kerja tersebut dilakukan oleh kaum bapa. Manakala kaum ibu pula menyediakan makanan. Kanak-kanak pula ditugaskan mengutip sampah di kawasan taman permainan. Pada pukul 11.00 pagi, mereka berehat seketika untuk minum dan makan kuih-muih. Selepas 15 minit, mereka menyambung tugas masing-masing semula.

Tugas selesai pada pukul 12.30 tengah hari. Para penduduk gembira kerana kawasan taman perumahan mereka bersih. Sebelum pulang, mereka menjamu selera di balai raya.

1. Apakah aktiviti yang dilakukan di taman perumahan Kim Man?

- A. Gotong-royong
- B. Rumah terbuka
- C. Jamuan Hari Raya
- D. Mesyuarat tahunan

2. Pada pukul berapakah kerja gotong-royong dimulakan?

- A. 8.00 pagi
- B. 9.00 pagi
- C. 11.00 pagi
- D. 12.30 tengah hari

3. Berikut ialah peralatan yang dibawa, **kecuali**

- A. sabit.
- B. penyapu.
- C. pencakar.
- D. tong sampah.

4. Berikut tugas yang dilakukan oleh kaum bapa, **kecuali**

- A. menyabit rumput.
- B. mencuci longkang.
- C. memasak makanan.
- D. mencantas dahan pokok.

5. Pilih pernyataan yang **benar**.

- A. Ketua kampung yang membahagikan tugas.
- B. Penduduk menjamu selera sebelum pulang.
- C. Tugas berakhir pada pukul 11.00 pagi.
- D. Kanak-kanak mencabut rumput.


**Bahagian C: Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang paling sesuai. (10%)**

di	pada	dari	hingga	ke
----	------	------	--------	----

1. Ernest menyimpan bola itu \_\_\_\_\_ dalam stor
2. Kaunter pendaftaran itu akan dibuka \_\_\_\_\_ pukul 8.00 pagi hingga 9.00 pagi.
3. Tiffany berlatih badminton \_\_\_\_\_ hari Sabtu dan Ahad sahaja.
4. Manda dan Mandy bersenam \_\_\_\_\_ badan mereka berpeluh.
5. Nathan bertolak \_\_\_\_\_ kampung pada pukul 9.00 pagi.

**Bahagian D: Pilih ayat yang paling sesuai. (6%)**


1




Baiklah, cikgu. Saya akan simpan bola ini sekarang.

2

Baiklah, cikgu. Kami akan buat dua barisan seperti yang diarahkan.



3



Boleh, Goh Huat. Bersenam memang baik untuk kesihatan.

- ✗ Abang, tolong temankan saya bersenam di taman.
- ✗ Murid-murid, sila buat dua barisan. Kalian akan membalik dan menyambut bola ini secara berpasangan.
- ✗ Kim Ho, simpan bola sepak ini di dalam stor sukan.

**Bahagian E: Tandakan (✓) bagi ayat tunggal dan (X) bagi ayat majmuk. (10%)**

1. Meja dan kerusi di perpustakaan itu tersusun rapi. ----- ( )
2. Hou En sedang mewarna mural. ----- ( )
3. Jason ingin belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-citanya. ( )
4. Puan Ester bangun lalu mengemukakan pendapatnya. ----- ( )
5. Kaum ibu menyediakan makanan dan minuman dib alai raya. ----- ( )


**Bahagian F: Pilih simpulan bahasa yang betul. (4%)**

minta diri	kaki bangku	murah hati
------------	-------------	------------

1. Memohon izin untuk pulang ----- ( )
2. Suka memberi ----- ( )

**Bahagian G: Nomborkan ayat-ayat di bawah. (10%)**

Proses Membuat Ikan Pakaam



- Kemudian, goreng beras tanpa menggunakan minyak masak sehingga beras berwarna kekuningan.
- Mula-mula, siang dan buang isi perut ikan dengan menggunakan pisau.
- Akhir sekali, tutup bekas dengan rapat serta biarkan selama beberapa hari sebelum dimasak.
- Tabur beras yang telah digoreng dan garam yang secukupnya ke atas ikan.
- Seterusnya, cuci ikan yang telah siap disiang di bawah air yang mengalir sehingga bersih.

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠  
 您可电邮至 30commy@gmail.com 或 PM 我们的 Facebook 专页: fb.com/sjkcmly

**Bahagian H: Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. (10%)**

ayah	kita	datuk	kakak	mak cik
------	------	-------	-------	---------



Kalang : \_\_\_\_\_, boleh ceritakan legenda Puteri Santubong kepada saya?

Datuk : Baiklah, Kalang. Datuk akan ceritakan.



Stella : Adik, marilah \_\_\_\_\_ bantu nenek menyapu sampah di halaman rumah.

Silvia : Baiklah, \_\_\_\_\_ . Mari kita tolong nenek.



Andy : Wah, enak sungguh sarapan yang dimasak oleh \_\_\_\_\_

Mak Cik : Terima kasih, Andy.  
 Bella



Tania : \_\_\_\_\_, bilakah kita akan pulang ke Kuala Lumpur?

Encik Peter : Kita akan pulang ke Kuala Lumpur pada pagi esok.

**Bahagian I: Bina ayat. (10%)**

1. menyertai pertandingan mewarna \_\_\_\_\_

2. bulat \_\_\_\_\_

3. mencabut rumput \_\_\_\_\_

4. menyusun buku \_\_\_\_\_

5. tetapi

Bahagian 1: Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikut. (10%)

Pada cuti sekolah yang lalu, Kavita dan keluarganya melawat ke Zoo Melaka dan Taman Buaya. Di Zoo Melaka terdapat pelbagai jenis haiwan. Antaranya harimau, buaya, zirafah, badak dan lain-lain. Di Zoo Melaka juga terdapat pelbagai jenis burung. Kavita tertarik melihat pelbagai jenis burung di Zoo Melaka kerana bulu burung di situ berwarna-warni. Ada burung kakak tua, burung nuri, burung merak, burung unta dan banyak lagi.

(Berdekatan dengan Zoo Melaka terdapat Taman Buaya.) Di situ terdapat pelbagai jenis buaya daripada pelbagai spesies. Sebelum pulang, Kavita dan keluarganya sempat membeli ole-ole di kedai cenderamata yang disediakan untuk dibawa pulang. Mereka sekeluarga tiba di rumah pada pukul 6.30 petang.)

1. ~~Ke manakah~~ Kavita sekeluarga pergi pada cuti sekolah yang lalu?

---

---

2. Mengapakah Kavita tertarik melihat pelbagai jenis burung di Zoo Melaka?

---

---

3. Apakah nama tempat yang berdekatan dengan Zoo Melaka?

---

---

4. Apakah yang terdapat di Taman Buaya?

---

---

5. Pada pukul berapakah Kavita dan keluarganya tiba di rumah?

---

---

Jawapan

1.A 2.D 3.A 4.C 5.B 6.A 7.C 8.A 9.C 10.A

1.A 2. B 3.D 4.C 5.B

1, x 2. V 3.x 4. X 5. X 6. X

1.minta diri 2.murah hati 3,1,5,4,2

1. di 2. Dari 3.pada 4 hingga 5 ke

1. Kim Ho, simpan bola sepak ini di dalam stor sukan.

2.Murid-murid,sila buat dua barisan,Kalian akan membalung dan menyambut bola ini secara berpasangan.

3.Abang, tolong temankan saya bersenam di taman.

1. Datuk 2 kita kakak 3. mak cik 4 Ayah

1. Andy menyertai pertandingan mewarna.

2.Meja itu berbentuk bulat.

3. Tania mencabut rumput yang panjang.

4.Silva menyusun buku di atas rak.

5.Keluarga Kim Lee kaya tetapi dia sombong.

1. Kavita sekeluarga pergi melawat ke Zoo Melaka dan Taman Buaya pada cuti sekolah yang lalu.

2.Kavita tertarik melihat pelbagai jenis burung di zoo Melaka kerana bulu burung di situ berwarna-warni.

3>Nama tempat yang berdekatan dengan Zoo Melaka ialah Taman Buaya.

4.Taman Buaya terdapat pelbagai jenis buaya daripada pelbagai spesies.

5.Pada pukul 6.30 petang,Kavita dan keluarganya tiba di rumah.